

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Lapan protokol baharu diumumkan

Pemakaian pelitup muka turut diberi kelonggaran di lokasi tertentu

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Fahmy A Rosli, Muhammad Yusri Muzamir dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Berkuat kuasa 1 Mei ini, pemakaian pelitup muka di luar bangunan dan tempat terbuka tidak lagi perlu, namun wajib dipakai dalam bangunan termasuk pusat beli-belah dan pengangkutan awam.

Kelonggaran itu adalah lapan protokol baharu diumumkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, semalam sebagai langkah kawalan dan pencegahan COVID-19 di negara ini, ketika negara berada dalam Fasa Peralihan ke Endemik bermula 1 April lalu.

Khairy menjelaskan, pemakaian pelitup muka di luar bangunan dan kawasan terbuka adalah atas pilihan tetapi amat digalakkan kerana mampu mengurangkan penularan jangkitan.

"Pemakaian pelitup muka wajib apabila berada di dalam bangunan termasuk gedung membeli-belah dan pengangkutan awam termasuk e-hailing."

"Pelitup muka bagaimanapun boleh ditanggalkan semasa melakukan senaman berat di dalam bangunan tetapi perlu segera dipakai semula selepas selesai, jika

berseorangan di dalam suatu ruang, ketika sedang makan dan minum, sedang berucap dan membuat persembahan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Pada masa sama, Khairy berkata, individu yang positif COVID-19 boleh dilepaskan daripada pengasingan bermula pada hari keempat jika disahkan negatif menerusi ujian RTK Antigen yang diselia pengamal perubatan berdaftar.

Bagaimanapun, jika masih positif pada hari keempat, mereka perlu melengkapkan tempoh pengasingan tujuh hari seperti diwajibkan ketika ini.

"Ujian perlu dilakukan mengguna RTK Antigen sendiri dengan penyeliaan pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC), sama ada secara fizikal atau maya."

"Keputusan ujian itu perlu dimasukkan ke dalam sistem eCOVID oleh pengamal perubatan bagi memastikan integrasi data dengan aplikasi MySejahtera dapat berlaku dalam tempoh kurang satu jam supaya individu itu segera mendapat perintah pelepasan daripada pengasingan apabila keputusan ujian pengesananannya negatif."

"Jika individu tidak memilih untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19, maka pelepasan akan diberikan secara automatik selepas menjalani pengasingan selama tujuh hari," katanya.

Selain itu, Khairy memaklumkan, individu dibenarkan mema-

suki mana-mana premis bermula 1 Mei ini tanpa mengira status vaksinasi mereka.

Bagaimanapun, individu yang positif COVID-19 walaupun mempunyai status vaksinasi lengkap dan dalam tempoh Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) termasuk pengembara tanpa vaksinasi lengkap yang baru tiba di Malaysia, tidak dibenarkan memasuki premis.

Khairy berkata, keperluan ujian pengesanan COVID-19 sebelum berlepas ke Malaysia dan ujian semasa ketibaan digugurkan bagi kumpulan pengembara tertentu.

Ia termasuk pengembara berusia 13 tahun dan ke atas yang sudah lengkap vaksinasi, mempunyai sejarah jangkitan COVID-19 dalam tempoh enam 60 hari daripada tarikh sembuh sebelum berlepas ke Malaysia serta berusia 12 tahun ke bawah tanpa mengira status vaksinasi.

"Polisi yang sama akan diguna pakai bagi semua kategori pengembara termasuk umrah, haji dan pekerja asing. Bagi pengembara umrah dan haji, mereka dikehendaki mendapatkan vaksinasi dos penggalak sebelum berlepas ke Tanah Suci."

"Semua pengembara masih perlu mengemukakan Traveller's Card yang dipaparkan dalam aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)," katanya.

Pada masa sama, Khairy berkata, insurans COVID-19 bagi pengembara bukan warga Malaysia tidak lagi menjadi prasyarat ke-

masuk ke negara ini.

Penjarakan fizikal antara individu atau kumpulan tidak diperlukan, selepas mengambil kira semua aktiviti sudah dibenarkan dengan penggunaan 100 peratus kapasiti ruang, namun masih digalakkan dalam keadaan

tidak memakai pelitup muka.

"Imbasan kod QR MySejahtera tidak diwajibkan memasuki premis atau tempat awam, namun saya ingin menyeru semua mengaktifkan fungsi MySj Trace untuk tujuan pengesanan kontak," katanya.

KELONGGARAN SOP COVID-19 MULAI 1 MEI 2022



PELITUP MUKA

- Wajib di dalam bangunan termasuk pengangkutan awam dan tendarasan e-hailing.
- Pilihan apabila berada di luar bangunan dan kawasan terbuka tetapi digalakkan di kawasan yang sesak. Individu berisiko tinggi juga digalakkan memakai pelitup muka.

PENJARAKAN FIZIKAL

- Tidak lagi diperlukan.
- Digalakkan dalam keadaan tidak memakai pelitup muka.

DAFTAR MASUK (CHECK-IN) DAN STATUS VAKSINASI MYSEJAHTERA

- Daftar masuk (Check-in) dimansuhkan.
- Kemasukan ke premis dibenarkan tanpa mengira status vaksinasi kecuali mereka yang berstatus 'Berisiko Tinggi' atau di bawah HSO.

POSITIF COVID-19 (UJIAN DAN PELEPASAN)

- Secara amnya, kes positif COVID-19 dikehendaki untuk kuarentin selama 7 hari. Walau bagaimanapun, di bawah Ujian dan Pelepasan, mereka akan mempunyai pilihan untuk menjalani ujian RTK-Ag yang diselia pengamal perubatan pada hari ke-4. Jika negatif, mereka boleh memamatkan kuarentin.

PENGEMBARA

- Pengembara yang telah lengkap divaksinasi dan kanak-kanak berumur 13 tahun ke bawah dikecualikan daripada ujian pra-pelepasan dan semasa ketibaan.
- Pengembara yang tidak lengkap vaksinasi atau tidak divaksinasi hendaklah menjalani ujian RT-PCR 2 hari sebelum berlepas dan ujian RTK-Ag yang diselia dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan. Mereka juga perlu dikuarantin selama 5 hari.
- Insurans COVID-19 tidak lagi diperlukan untuk semua pakej yang memasuki Malaysia.

SENARAI NEGATIF

- Senarai aktiviti yang dilarang oleh Majlis Keselamatan Negara sebelum ini telah dibenarkan. Semua sektor ekonomi boleh beroperasi mulai 15 Mei 2022.

Dikemaskini | 27 April 2022

@MPPengSahaja



Khairy Jamaluddin



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bermula 1 Mei

Pemakaian pelitup muka di luar bangunan, kawasan terbuka tidak lagi diwajibkan

Berkuat kuasa 1 Mei ini, pemakaian pelitup muka di luar bangunan dan kawasan terbuka tidak lagi diwajibkan, sebaliknya menjadi pilihan buat penduduk negara ini.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, kelonggaran itu selepas semakan semula langkah kawalan semasa Covid-19 dalam Fasa Peralihan ke Endemik.

Bagaimanapun, katanya, pemakaian pelitup muka adalah wajib sekiranya berada di dalam bangunan dan di dalam pengangkutan awam termasuk e-hailing.

"Ini mengambil kira risiko penularan jangkitan yang rendah dalam keadaan

di mana ventilasinya adalah baik, namun KKM masih menggalakkan amalan pemakaian pelitup muka di luar bangunan terutama apabila berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti bazar Ramadan atau pasar malam atau stadium.

"Ini termasuk individu yang bergejala seperti demam batuk dan selesema, individu berisiko tinggi atau melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas

dan kanak-kanak," katanya dalam sidang media di Putrajaya, semalam.

Khairy berkata, tindakan penguatkuasaan diambil mengikut

Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan peraturan di bawahnya sekiranya ada individu yang gagal mematuhi arahan pemakaian pelitup muka di dalam bangunan dan pengangkutan awam.

"Pelitup muka boleh di-

tanggalkan ketika melakukan senaman berat di dalam bangunan, tetapi ia hendaklah segera dipakai semula selepas selesai melakukan senaman itu, berseorangan di dalam suatu ruang iaitu ketika sedang makan, minum, berucap atau membuat persembahan.

"Pemakaian pelitup muka terutama di dalam bangunan dan pengangkutan awam masih lagi penting untuk melindungi diri serta orang di sekeliling kita terutama mereka yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak dan individu immunocompromised," katanya.

"Ini mengambil kira risiko penularan jangkitan yang rendah"
Khairy

Tak perlu lagi imbas kod QR MySejahtera

Kuala Lumpur: Semakan semula langkah kawalan semasa Covid-19 dalam Fasa Peralihan ke Endemik turut tidak lagi memerlukan orang ramai membuat imbasan kod QR MySejahtera apabila memasuki premis atau tempat awam.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, keperluan imbasan MySejahtera untuk kedua-dua tempat berkenaan sudah disemak dan diputuskan tidak wajib.

"Bagaimanapun, saya ingin menyeru supaya anda semua mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak.

"Individu dengan status High Risk pada aplikasi MySejahtera iaitu kes positif Covid-19 dan individu yang diberi arahan Perintah Pemantauan dan Pemeliharaan (HSO) tidak dibenarkan masuk ke premis.

"Pihak pengurusan premis hendaklah menyemak status risiko individu dalam aplikasi MySejahtera yang akan memasuki premisnya," katanya dalam sidang media, semalam.

Mengulas lanjut Khairy berkata, aplikasi MySejahtera masih lagi penting untuk digunakan terutama bagi tujuan pelaporan keputusan ujian pengesanan Covid-19 dan arahan HSO.

"Ia juga penting untuk membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam pencegahan dan kawalan Covid-19," katanya. Menurutnya, aplikasi itu juga ditambah baik dengan memasukkan maklumat tiktik panas wabak denggi, rabies, dan campak.

Katanya, kemasukan ke mana-mana premis juga dibenarkan tanpa mengambil kira status vaksinasi mereka.

"Individu yang tidak dibenarkan masuk ke premis adalah mereka positif Covid-19 walaupun mempunyai status vaksinasi lengkap.

"Individu dalam tempoh HSO termasuk pengembara tanpa vaksinasi lengkap yang baru tiba di Malaysia," katanya.

Sementara itu katanya, keperluan penjarakan fizikal dalam prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) terbitan 1 April 2022 turut disemak semula.

"Mengambil kira semua aktiviti dibenarkan dengan penggunaan 100 peratus kapasiti ruang, maka penjarakan fizikal di antara individu atau kumpulan tidak diperluaskan.

"Penjarakan fizikal digalakkan dalam keadaan tidak memakai pelitup muka," katanya.

'Bebas' hari keempat jika ujian saringan semula negatif

Kuala Lumpur: Individu positif Covid-19 yang perlu menjalani pengasingan selama tujuh hari dari tarikh sampel diambil, boleh dilepaskan bermula hari keempat sekiranya ujian saringan semula berkeputusan negatif.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, ujian itu perlu dilakukan menggunakan ujian Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen Covid-19 yang diselenggara pengamal perubatan.

"Bagaimanapun, sekiranya masih positif, individu itu perlu melengkapkan tempoh pengasingan tujuh hari.

"Ujian itu hendaklah dilakukan menggunakan RTK Antigen sendiri dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) sama ada secara fizikal ataupun secara maya," katanya pada sidang media, semalam.

Beliau mengumumkan semakan semula langkah kawalan semasa Covid-19 dalam Fasa Peralihan ke Endemik.

Katanya, keputusan ujian itu hendaklah dimasukkan ke dalam sistem eCOVID oleh pengamal perubatan bagi memastikan integrasi data dengan aplikasi MySejahtera da-



KHAIRY

pat berlaku dalam tempoh kurang daripada sejam.

"Ini supaya individu itu segera mendapat perintah pelepasan daripada pengasingan apabila keputusan ujian pengesanan berkeputusan negatif Covid-19.

"Sekiranya individu tidak memilih untuk menjalani ujian pengesanan Covid-19, maka pelepasan akan diberikan secara automatik selepas menjalani pengasingan selama tujuh hari," katanya.

Beliau berkata, selepas ini salam juga dibenarkan namun orang ramai perlu sentiasa mencuci tangan serta tidak segera menyentuh muka selepas bersalaman.

Aplikasi MySejahtera masih lagi penting untuk digunakan

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Oleh Melvin Joni
am@hmetro.com.my

Kuching

Vaksin Covid-19 Comirnaty keluaran Pfizer dengan nombor kelompok FK9414 sudah diberi kelulusan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi perlanjutan tempoh jangka hayat daripada enam bulan kepada sembilan bulan untuk bebuli (vial) vaksin yang disimpan pada suhu -90°C sehingga -60°C.

Pengarah Kesihatan Sarawak Dr Ooi Choo Huck berkata, ia tambahan tiga bulan daripada tarikh asal dicetak pada label vial.

"Cetakan tarikh luput pada vial bernombor kelompok FK9414 adalah 02/2022."

"Tarikh luput asal pada 28 Februari 2022 dan tarikh luput baharu pada 31 Mei 2022," katanya pada kenyataan semalam.

Ia berikutan video yang tular di media sosial baru-baru ini berkenaan isu pemberian vaksin sudah melepasi tarikh luput.

Sehubungan itu, beliau berkata, vaksin itu selamat digunakan sehingga 31 Mei ini.

Menjelaskan lanjut, Dr Ooi berkata, penentuan jangka hayat produk farmaseutikal termasuk vaksin Covid-19 ditetapkan berdasarkan ujian kestabilan produk vaksin yang dijalankan pengilang.

Katanya, ujian dijalankan pada masa nyata untuk suhu penyimpanan tertentu.

TULAR VAKSIN PFIZER TAMAT TEMPOH

Jangka hayat kini 9 bulan

NPRA luluskan perlanjutan tempoh hingga 31 Mei



TEMPOH jangka hayat vaksin Covid-19 akan berubah jika ada perubahan kepada suhu penyimpanan.

"Vaksin Covid-19 dibangunkan dalam jangka masa singkat (kurang daripada dua tahun) sebagai tindak balas kepada pandemik berkenaan berbanding tempoh pembangunan biasa sesuatu produk farmaseutikal."

"Oleh itu, tempoh ujian dijalankan untuk menentukan jangka hayat vaksin adalah terhad."

"Pengilang hanya dibenarkan meletakkan tarikh luput berdasarkan tempoh kestabilan vaksin itu diuji pada masa nyata dan bukan secara ekstrapolasi," katanya.

Dr Ooi menambah, jika pengilang ada data tambahan setelah ujian lanjut dijalankan, permohonan perlanjutan jangka hayat vaksin akan dikemukakan kepada NPRA untuk dinilai.

Katanya, perlanjutan tempoh jangka hayat produk vaksin hanya diluluskan setelah hasil penilaian dapat mengesahkan ia memenuhi keperluan regulatori.

Selain itu, Dr Ooi berkata, tempoh jangka hayat vaksin Covid-19 akan berubah jika ada perubahan kepada suhu penyimpanan.

"Oleh itu, tarikh luput baharu akan diberikan kepada produk terbabit."

"Produk masih selamat untuk diadministrasi selagi mana ia belum melangkaui tarikh luput baharu," katanya.

Justeru, beliau meminta orang ramai supaya tidak meragui keselamatan vaksin yang diterima.

Orang awam boleh melayari laman web <https://www.npra.gov.my> untuk mengetahui maklumat nombor kelompok yang terbabit.

KL, Selangor catat tiga kes kematian

Kuala Lumpur: Sebanyak 761,309 atau 21.4 peratus kanak-kanak berumur lima hingga 11 melengkapkan vaksinasi di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web Covidnow, 1,504,066 kanak-kanak dalam kumpulan sama atau 42.3 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17, 2,889,620 individu atau 92.9 peratus lengkap vaksinasi manakala 2,988,492 atau 96.1 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sejumlah 16,020,386 individu dewasa atau 68.1 peratus menerima dos penggalak manakala 22,965,472 atau 97.6 peratus lengkap kedua-dua dos vaksin dan 23,242,030 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya

92.9%

Remaja berusia 12
hingga 17 lengkap
tema vaksinasi

satu dos vaksin.

Sebanyak 34,376 dos vaksin Covid-19 harian diberi membabitkan 6,906 dos pertama, 22,782 dos kedua dan 4,688 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 70,158,087.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 13 kematian dilaporkan kelmarin dengan Selangor dan Kuala Lumpur masing-masing mencatatkan angka tertinggi iaitu tiga kes, diikuti Kedah dan Perak masing-masing dengan dua kes manakala satu kes masing-masing di Melaka, Pahang dan Pulau Pinang.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA



ORANG ramai membeli tiket bas untuk pulang ke kampung menyambut Aidilfitri di Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur semalam. — MUHAMAD IQBAL ROSLI

Pelitup muka hanya wajib dipakai dalam bangunan

Tidak perlu imbas kod QR MySejahtera

PUTRAJAYA — Kementerian Kesihatan (KKM) menetapkan imbasan kod QR MySejahtera kini tidak diwajibkan apabila memasuki premis atau tempat-tempat awam kecuali individu berstatus high risk atau di bawah arahan Perintah Pengawasan dan Pemantauan HSO bermula 1 Mei ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, walaupun imbasan MySejahtera tidak diwajibkan, namun KKM menyeru orang ramai agar mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak.

"Individu dengan status high risk pada aplikasi MySejahtera iaitu kes positif Covid-19 dan individu yang diberi arahan HSO, tidak dibenarkan masuk ke premis dan pihak pengurusan premis hendaklah menyemak status risiko individu dalam MySejahtera yang akan memasuki premisnya.

"Aplikasi MySejahtera masih lagi penting untuk digunakan antara lain bagi tujuan pelaporan keputusan ujian pengesanan Covid-19 dan arahan HSO," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, ia juga penting untuk membantu KKM dalam pencegahan dan kawalan Covid-19.

Katanya, pemakaian pelitup muka adalah wajib apabila berada di dalam bangunan (indoor) dan di dalam pengangkutan awam termasuk e-hailing.

"Namun, pemakaian pelitup muka di luar bangunan (outdoor) dan kawasan terbuka adalah atas pilihan tetapi amat digalakkan kerana pelitup muka mampu mengurangkan jangkitan.

"Orang ramai diwajibkan memakai pelitup muka apabila berada di gedung bell-belah dan pengangkutan awam termasuk e-hailing," jelasnya.



KHAIRY JAMALUDDIN

Beliau berkata, penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan peraturan-peraturan di bawahnya akan dikenakan ke atas individu yang gagal mematuhi arahan pemakaian pelitup muka ini.

"Bagaimanapun, pelitup muka boleh ditanggalkan semasa melakukan senaman berat di dalam bangunan tetapi ia hendaklah segera dipakai semula setelah selesai melakukan senaman itu.

"Ia boleh ditanggalkan sekiranya berseorangan di dalam suatu ruang, ketika sedang makan dan minum, ketika sedang berucap, membuat persembahan.

"Pemakaian pelitup muka terutamanya di dalam bangunan dan pengangkutan awam masih lagi penting untuk melindungi diri serta orang di sekeliling kita, terutamanya mereka yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak dan individu immunocompromised," katanya.

Ujarnya, KKM menggalakkan agar pemakaian pelitup muka di luar bangunan terus diamalkan terutamanya apabila berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti bazar Ramadan, pasar malam dan stadium.

"Ini termasuk individu yang

bergejala seperti demam, batuk dan selsema; yang berisiko tinggi; melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak," katanya.

Sejajar dengan fasa peralihan ke endemik, beliau berkata, semakan semula keperluan penjarakan fizikal di dalam prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara terbitan 1 April 2022 telah disemak semula.

"Mengambil kira semua aktiviti telah dibenarkan dengan penggunaan 100 peratus kapasiti ruang, maka penjarakan fizikal di antara individu atau kumpulan tidak diperlukan.

"Namun, penjarakan fizikal digalakkan dalam keadaan tidak memakai pelitup muka," katanya.

Jelasnya, KKM turut menetapkan kemasukan individu ke mana-mana premis adalah dibenarkan tanpa mengira status vaksinasi mereka.

"Individu yang tidak dibenarkan masuk ke premis adalah individu positif Covid-19 walaupun mempunyai status vaksinasi lengkap serta individu dalam tempoh HSO termasuk pengembara tanpa vaksinasi lengkap yang baru tiba di Malaysia.

Selain itu katanya, bagi individu yang diuji positif Covid-19 boleh dilepaskan daripada HSO bermula pada hari keempat sekiranya telah disahkan negatif menerusi ujian RTK Antigen yang diselia oleh pengamal perubatan.

"Sekiranya masih positif, individu tersebut perlu melengkapkan tempoh pengasingan tujuh hari. Ujian itu hendaklah dilakukan menggunakan RTK-antigen sendiri dengan penyelesaian pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC), sama ada secara fizikal ataupun secara maya (virtual)," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Aktiviti berkaitan hari raya dibenarkan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membenarkan aktiviti takbir hari raya di masjid dan surau seluruh negara.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, aktiviti tersebut juga dibenarkan dari rumah ke rumah tetapi perlu sentiasa memakai pelitup muka.

"Solat sunat hari raya juga dibenarkan diadakan di masjid dan surau dengan kapasiti 100 peratus dengan semua jemaah hendaklah sentiasa memakai pelitup muka sepanjang masa," katanya di sini pada Rabu.

Menurutnya, turut dibenarkan, jamaah selepas solat di masjid atau

surau, program ziarah, ziarah tanah perkuburan, rumah terbuka atau majlis hari raya indoor serta outdoor.

"Individu yang disahkan positif Covid-19 dan bersejaja adalah dilarang menyertai aktiviti tersebut.

"Protokol ini adalah sebagai panduan umum, namun tertakluk kepada ketetapan dan prosedur operasi standard (SOP) oleh pihak berkuasa agama negeri," kata beliau.

Khairy berkata, salam tangan turut adalah dibenarkan dengan mematuhi etika dan penjagaan kebersihan tangan.

"Sentiasa mencuci atau membersihkan

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

tangan dan jangan sentuh muka selepas bersalaman," katanya.

Ujarnya, semua senarai aktiviti yang tidak dibenarkan di dalam SOP Majlis Keselamatan Negara tertabit 1 April 2022 digugurkan mulai 15 Mei depan.

"Agensi berkaitan sedang menyediakan protokol bagi pengoperasiannya," katanya. Menyifatkan Aidilfitri pada tahun ini sebagai satu rahmat, Khairy berkata, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan perayaan tidak berakhir dengan kemudaratan.

Dalam pada itu, Khairy memaklumkan

Malaysia tidak lagi mengeluarkan laporan harian berhubung penularan jangkitan Covid-19.

Sebaliknya beliau berkata, laporan itu akan dikeluarkan pihaknya secara mingguan.

"Esok (Khamis) merupakan hari terakhir KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) akan mengeluarkannya," ujar beliau.

Sejak dua tahun lalu, KKM mengeluarkan pelaporan harian Covid-19 sebagai makluman situasi pandemik itu di negara ini. Pelaporan tersebut dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Imbasan kod QR MySejahtera juga tidak lagi diwajibkan

Oleh **TUAN BUQHAIHAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Pemakaian pelitup muka hanya diwajibkan apabila berada di dalam bangunan dan pengangkutan awam termasuk e-hailing berkuat kuasa 1 Mei ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, langkah tersebut dibuat selepas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meneliti dan melakukan semakan semula ke atas langkah-langkah kawalan dan pencegahan Covid-19 yang boleh dilaksanakan semasa dalam fasa peralihan ke endemik.

Menurutnya, penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan peraturan-peraturan di bawahnya akan dikenakan ke atas individu yang gagal mematuhi arahan tersebut.

"Pelitup muka bagaimanapun boleh ditanggalkan semasa melakukan senaman berat di dalam bangunan tetapi ia hendaklah segera dipakai semula setelah selesai senaman," katanya pada sidang akhbar di kementeriannya dekat sini pada Rabu.

Beliau berkata, pemakaian pelitup muka terutamanya di dalam bangunan dan pengangkutan awam masih lagi penting untuk melindungi diri serta orang di sekeliling terutamanya mereka yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak dan individu immunocompromised.

Khairy berkata, pemakaian pelitup muka di luar bangunan

dan kawasan terbuka adalah atas pilihan namun amat digalakkan.

Beliau berkata, KKM turut menyemak keperluan penjarakan fizikal dalam prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) tertabit 1 April 2022.

"Mengambil kira semua aktiviti telah dibenarkan dengan penggunaan 100 peratus kapasiti ruang, maka penjarakan fizikal di antara individu atau kumpulan tidak diperlukan, namun begitu penjarakan fizikal digalakkan dalam keadaan tidak memakai pelitup muka," katanya.

Sementara itu, Khairy turut memaklumkan imbasan kod QR MySejahtera tidak lagi diwajibkan apabila seseorang memasuki premis atau tempat-tempat awam bermula 1 Mei ini.

Bagaimanapun, orang ramai diminta supaya mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak.

"Individu dengan status berisiko tinggi pada aplikasi MySejahtera iaitu kes positif Covid-19 dan individu yang diberi arahan Perintah Pengawasan dan Pemantauan di Rumah (HSO), tidak dibenarkan masuk ke premis," katanya.

Katanya, pihak pengurusan



KHAIRY



premis hendaklah menyemak status risiko individu dalam aplikasi MySejahtera yang akan memasuki premisnya.

"Aplikasi MySejahtera masih lagi penting untuk digunakan antara lain bagi tujuan pelaporan keputusan ujian pengesanan Covid-19 dan arahan HSO," katanya.

Beliau berkata, sejajar dengan fasa peralihan ke endemik, MySejahtera sebagai aplikasi kesihatan awam akan ditambah baik dengan pengenalan ciri-ciri baharu.

"Sebagai permulaan, fungsi yang sedia ada, iaitu Hotspot Tracker yang dahulunya digunakan untuk menjejak kawasan titik panas kes Covid-19, kini akan diubah sebagai Infectious Disease Tracker untuk melihat kawasan titik panas penyakit-penyakit lain iaitu rabies (penyakit anjing gila), demam campak, penyakit tangan, kaki & mulut (HFMD) dan denggi," ujarnya.

Khairy berkata, kawasan itu akan ditentukan berdasarkan jumlah kes aktif di kawasan lingkungan pengguna untuk setiap penyakit berjangkit.

"Saya minta rakyat Malaysia ambil peluang menggunakan fungsi yang ditambah baik ini terutamanya apabila hendak balik

ke kampung, berhari raya ke rumah saudara-mara atau pergi bercuti.

"Saya juga menggalakkan persatuan komuniti menggunakan fungsi ini untuk membantu dalam mengawal penularan penyakit

berjangkit ini di kawasan kediaman masing-masing dengan melaksanakan pelbagai aktiviti seperti gotong-royong serta pembersihan kawasan perumahan dan perkampungan," katanya.

Pelitup muka hanya wajib dalam bangunan, pengangkutan awam

KELONGGARAN SOP COVID-19 MULAI 1 MEI 2022

PELITUP MUKA

- Wajib di dalam bangunan termasuk pengangkutan awam dan kenderaan e-hailing
- Pilihan apabila berada di luar bangunan dan kawasan terbuka tetapi digalakkan di kawasan yang sesak. Individu berisiko tinggi juga digalakkan memakai pelitup muka.

PENJARANAN FIZIKAL

- Tidak lagi diperlukan
- Digalakkan dalam keadaan tidak memakai pelitup muka

DAFTAR MASUK (CHECK-IN) DAN STATUS VAKSINASI MYSEJAHTERA

- Daftar masuk (Check-in) dimansuhkan
- Kemasukan ke premis dibenarkan tanpa mengira status vaksinasi kecuali mereka yang berstatus 'Berisiko Tinggi' atau di bawah HSO

POSITIF COVID-19 (UJIAN DAN PELEPASAN)

- Secara amnya, kes positif COVID-19 ditahap untuk kuaranin selama 7 hari. Walau bagaimanapun, di bawah Ujian dan Pelepasan, mereka akan mempunyai pilihan untuk menjalani ujian RTK-Ag yang diselia pengawal perubatan pada hari ke-4. Jika negatif, mereka boleh memuatkan kuaranin.

MENGEMBARA

- Pengembara yang telah lengkap divaksinasi dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah dikemukakan daripada ujian pra-pelepasan dan semasa kitaran
- Pengembara yang tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi hendaklah menjalani ujian RT-PCR 2 hari sebelum berlepas dan ujian RTK-Ag yang diselia dalam tempoh 24 jam selepas kitaran. Mereka juga perlu dikuarantin selama 5 hari
- Insuran COVID-19 tidak lagi diperlukan untuk semua pelancong yang memasuki Malaysia

SENARAI NEGATIF

- Senarai aktiviti yang dilarang oleh Majlis Keselamatan Negara sebelum ini telah dibenarkan. Semua sektor ekonomi boleh beroperasi mulai 15 Mei 2022



Dikemaskini: 27 April 2022

#MeningkatkanKeselamatan

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

AEFI: JFK dapati tiada hubung kait kematian dengan dos penggalak

PUTRAJAYA - Jawatankuasa Khas Farmakovigilans Vaksin Covid-19 (JFK) menjalankan penilaian terhadap 25 laporan

yang telah lengkap penyiasatan dan mendapati kes-kes kematian terlibat tiada hubung kait dengan vaksin dos penggalak Covid-19 yang diterima.

